

Received: 10 April 2019; Accepted: 20 August 2019

## Prinsip *al-Imarah* Dalam Kalangan Ahli Jawatankuasa Masjid ke Arah Mengimarahkan Institusi Masjid

Mohd Ridhuwan Bin Remly<sup>1</sup>, Muhd Najib Bin Abdul Kadir<sup>2</sup>, Fadlan Bin Othman<sup>3</sup>  
& Siti Azimah Bt Sabaruddin<sup>4</sup>

Email: <sup>1</sup>ridhuwanremly@yahoo.com, <sup>2</sup>abunaseh@ukm.edu.my, <sup>3</sup>fadlan@ukm.edu.my

<sup>1</sup>Calon Doktor Falsafah di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

<sup>2&3</sup> Pensyarah kanan di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

<sup>4</sup> Calon Doktor Falsafah di Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

### **Abstrak**

Pengimarahan masjid merupakan satu tanggungjawab yang sangat berat dalam Islam yang mesti diberi kepada orang yang benar-benar layak dalam memimpin institusi masjid. Oleh itu, prinsip al-imarah memainkan peranan penting dalam mengimarahkan institusi masjid. Al-Quran dan As-sunah telah menggariskan panduan dalam mengimarahkan masjid. Peranan pengimarahan institusi masjid terletak kepada kesungguhan dan usaha dalam kalangan pihak pengurusan masjid yang memahami prinsip-prinsip pengimarahanaan masjid. Kajian ini mendapati bahawa pengimarahanaan sesebuah masjid bergantung sepenuhnya kepada individu-individu yang menerajui kepimpinan institusi masjid.

**Kata Kunci:** Masjid, Prinsip *Imarah*, Peranan AJK Masjid

### *Al-Imarah Principles among the Mosque Members (AJK) towards Enlivening the Mosque Institutions*

### **Abstract**

Enlivening the mosque institution is a huge responsibility in Islam that must be granted to the individuals who are truly qualified to lead the mosque institutions. Therefore, the principle of *al-imarah* plays an important role in enlivening the mosque institutions. The Quran and As-Sunnah have outlined guidelines to enliven mosques. The role of enlivening the mosque institutions lies in the efforts of the mosque management who are knowledgeable of the principles to enliven the mosque. This study found that the enlivenment of a mosque depends entirely on individuals who lead the mosque institution.

**Keywords:** Mosque, Principle of *al-Imarah*, Role of AJK Mosque

### **1. Pengenalan**

Masjid adalah tempat yang paling dicintai oleh Allah SWT. Masjid merupakan syiar yang melambangkan keagungan agama Islam bermula zaman kemunculan Islam sehingga pada hari ini. Institusi masjid berperanan besar dalam mewujudkan masyarakat yang beriman, bertakwa dan cemerlang dalam menjalani kehidupan dunia dan akhirat. Selain daripada tempat suci umat Islam untuk melakukan ibadah khusus, fungsinya merangkumi pelbagai perkara penting melibatkan aktiviti kemasyarakatan umat Islam dalam menjalani kehidupan seharian.

Sirah Rasulullah SAW memberi pengajaran yang amat mendalam kepada umat Islam dalam membentuk masyarakat cemerlang. Kajian dan pengamatan para ulama dan sarjana yang mengamati sirah Rasullullah SAW menyimpulkan bahawa terdapat tujuh langkah strategik yang dilakukan oleh Rasullullah SAW dalam membangunkan masyarakat Madani di Madinah. Tujuh langkah strategik itu adalah: 1. Mendirikan Masjid, 2. Mengikat persaudaraan antara komuniti muslim, 3. Mengikat perjanjian dengan masyarakat bukan muslim, 4. Membangun sistem politik (syura), 5. Meletakkan sistem dasar ekonomi, 6. Membangun keteladanan pada elit masyarakat, 7. Menjadikan ajaran Islam sebagai sistem nilai dalam masyarakat.

Usaha memakmurkan masjid merupakan usaha yang sangat penting. Sebuah masyarakat yang mempunyai komuniti yang berakhhlak mulia, beramal soleh, rukun tetangga yang harmoni dengan nilai-nilai keislaman yang diamalkan dalam komuniti tersebut, maka masjid lah menjadi teras utama kepada nadi kedamaian hasil daripada memakmuran masjid. Firman Allah SWT yang bermaksud “*hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat Yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk*” (atau Taubah: 18).

## **2. Definisi *al-imarah masjid***

Perkataan *Imarah* berasal dari bahawa Arab yang telah diterima pakai dalam bahasa Melayu dengan maksud hal-hal yang membawa kepada pembangunan, kemajuan, peningkatan dan sebagainya. Ianya diambil dari firman Allah yang bermaksud “*Hanyasanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah*” (at Tawbah 9 :18). Menurut kamus dewan, *imÉrah* bermaksud mengimarah, menggerakkan dan menghidupkan suasana masjid dengan pelbagai aktiviti yang berfaedah, biasanya berbentuk keagamaan. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007)

Perkataan *al-Imarah*, sama seperti *al-Amr*, *Umr* dan *al-Umran* ialah *masdar* dari kata kerja *Amara*, *ya'muru*, *Amarah* bermaksud hidup lama, hidup subur, berkembang dan membiak. *Ma'mur* pula bererti dimajukan dan dikembangkan. *Al-ImÉrah* bererti bangunan dan dalam istilah moden disebut sebagai *Funn al-ImÉrah* atau *al-Fanni al-Mi'mari* yang bermaksud sains seni bina (architecture), dan *MiÑmar* bererti arkitek. *Al-Umran* boleh diertikan dengan kemewahan, kehidupan berkebudayaan dan bertamadun (Hans Wehr. 1971).

Menurut Prof. Dr. Hamka pula menyatakan *ta'mirul masjid* ialah selalu menghidupkan jemaah di dalamnya, beribadat, berkhidmat, memelihara, membersih, memperbaiki yang rosak, mencukupkan mana yang kurang dan berhijrah kepadanya untuk beribadah. (Hamka 1984). Menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi, memakmurkan masjid bermaksud, mendirikan solat di dalamnya, berdoa, berzikir dan menegakkan syiar-syiarnya. (Yusuf al-Qaradawi:1990;3-4). Perkataan *al-Imarah* tidak boleh dipisahkan daripada pengertian *al-Umran*. Ini kerana tanpa salah satu dari keduanya perkataan-perkataan ini tidak mempunyai erti. Tujuan *al-Imarah* ialah untuk membina, membangun sesuatu bangunan, kawasan, alam sekitar, negara dan ummah (Ibn Khaldun: terjemahan dari bahasa Arab ke Bahasa Inggeris oleh Franz Rosenthal London, 1958:808).

## **3. Matlamat Memakmurkan Masjid**

Masjid merupakan lambang syiar Islam, ia merupakan pusat yang menghubungkan manusia sesama manusia dan hubungan manusia bersama Penciptanya. Rasulullah SAW mengambil langkah berkesan bagi meluaskan fungsi dan peranan masjid bagi mewujudkan perpaduan yang kukuh dalam kalangan umat Islam di Madinah dengan meletakkan dasar ketakwaan di dalam kehidupan mereka.

Memakmurkan masjid merupakan perkara penting di dalam masyarakat bagi melahirkan kelompok manusia yang bersifat takwa. Bagi mengembalikan fungsi dan peranan masjid kita memerlukan kepada kesepakatan dan semangat untuk benar-benar mendukung kemakmuran masjid. Di antara perkara-perkara yang perlu dilakukan ialah satu usaha untuk memberikan ilmu pengetahuan yang berguna kepada masyarakat. Ini boleh dilakukan dengan mengadakan majlis-majlis ilmu untuk memberikan kesedaran dan kefahaman bagi mengembalikan kekuatan umat bahawa betapa pentingnya ilmu buat mereka.

Seorang tokoh dakwah menjelaskan bahawa Rasulullah SAW melaksanakan usaha dakwah melalui pelbagai aktiviti. Antara aktiviti yang popular ialah mengadakan ceramah umum di tempat lapang termasuk di pinggir-pinggir masjid. Rasulullah SAW mengambil masa-masa tertentu untuk memberi penerangan kepada pendengar dengan menggunakan pelbagai pendekatan. Pada musim haji, Rasulullah SAW menyampaikan ceramah umum kepada para hujjaj bertempat dipasar Ukaz, pasar Majinnah dengan menerangkan tentang Islam. (Al-'Adawi. 1997;87).

Pada zaman permulaan Islam, Nabi SAW menggunakan kaedah pengajaran agama sebagai salah satu aktiviti dakwah. Sebagai contoh, rumah al-Arqam ibn Arqam dipilih sebagai tempat mengajar agama atau dikenali sebagai kelas fardu ain. Nabi sangat mementingkan para sahabatnya mendalamai ilmu fardu *ain* supaya mereka dapat beramal dengan menghayati ilmu-ilmu yang dipelajari. Kerana itu, Nabi SAW sendiri mengendalikan pengajian fardu *ain* tersebut yang dilaksanakan secara berterusan khususnya di sudut-sudut atau tempat-tempat tertentu dalam kawasan masjid bagi tujuan penyebaran Islam. (Mohd Shahir Abdullah.

1990:9).

Selain daripada konsep keilmuan, konsep kebijaksanaan juga sangat diperlukan dalam strategi pengimaranan institusi masjid. Konsep kebijaksanaan iaitu menggunakan pelbagai strategi dan pendekatan yang mesra serta pendekataan yang berbeza dalam usaha mempengaruhi masyarakat supaya cenderung kepada masjid. Pendekatan yang mesra dalam kalangan ahli kariah dan pengurusan masjid juga menjadi faktor utama dalam mendidik pelbagai golongan ahli kariah untuk meghadirkan diri ke rumah Allah.

Usaha-usaha pengimaranan masjid boleh dilakukan dengan menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan dan aktiviti lain yang dapat menjalinkan hubungan baik antara ahli kariah dan institusi masjid. Asas dalam keperluan pegimaranan masjid mestilah didasari oleh keagamaan iaitu konsep memakmurkan masjid, konsep amar makruf nahi munkar iaitu menyuruh manusia melakukan kebaikan dan melarang manusia daripada melakukan kejahanan. Ini merupakan konsep keilmuan dengan berusaha meningkat ilmu pengatahanan dan membentera kejahanan.

Pengimaranan masjid dalam erti kata sebenar boleh dilakukan dengan menjalankan aktiviti keagamaan dan aktiviti kemasyarakatan yang dapat mendekatkan diri dan hati manusia kepada Allah SWT. Aktiviti-aktiviti yang baik dan berfaedah boleh meningkatkan pembangunan masyarakat Islam. Antara lain, pembentukan perabadian yang tinggi memerlukan gabungan keutuhan agama, keutuhan akhlak dan kemajuan sains dan teknologi (Mohd Yusuf. 2006:7). Keimanan dan ketakwaan kepada Allah yang menjadi teras kehidupan orang Islam merujuk kepercayaan dan pegangan hidup yang kukuh, bukan sahaja tersemat dalam hati tetapi disertakan dengan ketaatan dan pengamalan segala perkara yang disuruh oleh Allah dan segala perkara yang dilarang oleh-Nya (Abdul Shukor. 2006:3).

Secara sedar atau tidak, tugas untuk memakmurkan masjid sebenarnya mewarisi serta meneruskan tugas baginda s.a.w dalam menyebar, mengembang, mendominasi dan mempertahankan syariat Allah SWT dalam masyarakat. Matlamat pengimaran dan keceriaan masjid dapat dibahagikan kepada tiga matlamat utama iaitu mengajak manusia bertakwa dan menjauhkan maksiat, meninggikan syiar Islam dan menjauhkan syirik dan membimbing golongan jahil dan memberi peringatan yang lalai supaya kembali kepada Allah. Semua matlamat ini berkait rapat antara satu sama lain. Jika salah satu matlamat ini ditinggalkan, maka terdapat ketidaksempurnaan dalam aktiviti pengurusan pengimaranan masjid.

### *3.1 Mengajak Manusia Bertakwa dan Menjauhkan Maksiat*

Dalam al-Quran, Allah s.w.t menyuruh manusia berbuat baik kepada dirinya dan menjauhkan dari segala kemaksiatan. Jika kita melihat dalam konteks pengimaran masjid, adalah amat tepat sekali institusi masjid adalah pusat manusia berbuat kebaikan. Firman Allah SWT yang bermaksud “*Jangan engkau sembahyang di masjid itu selama-lamanya, kerana sesunguhnya masjid Quba' yang engkau bina wahai Muhammad, yang didirikan atas dasar takwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (menyucikan) dirinya dan Allah mengasahani orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin)* (at-Tawbah 9 :108).

Maksud ayat di atas, dapat difahamkan bahawa matlamat pengimaranan masjid adalah bertujuan untuk mengajak seluruh umat manusia khususnya orang Islam supaya bertakwa kepada Allah SWT dan menjauhkan diri daripada melakukan perkara yang dimurka Allah. Ajakan kepada kebaikan ini merupakan suatu aktiviti wajib yang perlu dirancang dan dilaksanakan secara berterusan. Pihak pengurusan masjid hendaklah memakmurkan masjid dengan pelbagai aktiviti bagi menarik semua golongan masyarakat supaya datang ke masjid.

Pembinaan masjid tanpa roh takwa adalah di ibaratkan sebagai jasad tanpa nyawa. Infrastruktur dan hiasan masjid sangat cantik tetapi kehadiran jemaah masjid amat berkurangan kerana tiada aktiviti pengimaranan. Kelesuan institusi masjid akan menjelaskan syiar Islam, ini kerana kekuatan umat Islam terletak kepada umatnya yang berpaksikan institusi masjid sebagai tempat terunggul dalam masyarakat. Jester itu, matlamat pengimaranan masjid bertujuan untuk menjadikan masjid sebagai pusat aktiviti yang berjalan atas dasar takwa kepada Allah SWT (Muhyidin Abdul Aziz. 2006).

Hakikatnya segala aktiviti pengimaranan yang dijalankan di masjid semestinya berlandaskan kepada keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Aktiviti pegimaranan yang dijalankan tujuannya untuk lebih mendekatkan diri masyarakat dan ahli kariah dengan Allah s.w.t. Dengan perancangan aktiviti yang teratur yang berpaksikan keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t ini, sudah tentu segala penganjuran aktiviti pengimaranan di institusi masjid ini mendapat sambutan dikalangan masyarakat sekeliling.

### *3.2 Meninggikan syiar Islam dan menghapuskan Syirik.*

Matlamat pengimaran masjid melalui pelaksanaan aktiviti masjid adalah untuk meninggikan syiar Islam dan menghapuskan segala perbuatan mensyirikkan Allah. Orang yang mendirikan solat termasuk dalam kalangan meninggikan syiar Islam. Namun begitu, ibadat solat sebagai syiar akan lebih terserlah jika dilaksanakan oleh masyarakat setempat secara berjemaah di masjid-masjid berdekatan. Prestasi solat jemaah menjadi kayu pengukur nilai kesungguhan masyarakat Islam menjunjung tinggi syiar Islam. (Yusuf al-Qardawi. 1997).

Pada dasarnya, masjid adalah tempat yang paling selamat daripada perkara-perkara syirik. Ianya menjadi satu tempat yang jauh daripada kelalaian kepada Allah s.w.t. Ini terbukti melalui kisah Nabi Ibrahim dan putranya Nabi Ismail a.s supaya membersihkan *Baitullah* daripada patung-patung berhala yang menjadi sembahannya orang musyrikin Mekkah pada ketika itu. Firman Allah: maksudnya “*Dan (ingatlah) ketika Kami menjadikan Baitullah iaitu tempat tumpuan bagi manusia (untuk ibadat Haji) dan tempat yang aman dan dijadikan oleh kamu makam Ibrahim itu tempat sembahyang dan kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail (dengan firmanya: Bersihkanlah rumah-Ku (Ka'bah dan Masjidil Haram dari segala perkara yang dilarang) untuk orang-orang yang bertawaf dan orang-orang yang berikikaf (yang tetap tinggal padanya) dan orang-orang rukuk dan sujud.*(al-Baqarah 2 : 125)

Berdasarkan kepada ayat ini, Allah memerintahkan hambanya supaya membebaskan diri daripada segala perbuatan syirik samada dalam bentuk penyembahan terang-terangan atau secara tersembunyi. Jika perbuatan syirik dapat dibendung oleh pihak berkuasa dengan pendekatan dakwah secara berterusan dan berhikmah, melalui bidang pendidikan kepada semua peringkat, melalui penguatkuasaan undang-undang dan sebagainya, maka perbuatan syirik yang dilakukan oleh umat Islam dapat dibentras.

### *3.3 Membimbang golongan Jahil*

Matlamat pengimaran masjid melalui pelaksanaan aktiviti masjid untuk mengajar ilmu agama kepada golongan jahil dan memperkuatkannya dan meningkatkan keimanan kepada Allah SWT kepada golongan yang berilmu. Sifat jahil yang ada dalam diri manusia merupakan penghalang utama kepada mendekatkan diri kepada Allah, manakala orang yang berilmu jika tidak selalu menghadirkan diri kemajlis-majlis mengingati Allah, maka akan lahir perasaan sompong di dalam diri.

Berdasarkan kepada sejarah kegemilangan Islam, Rasulullah SAW memanfaatkan waktu terluang bersama-sama para sahabat ketika berada dalam masjid dengan menyampaikan tazkirah, ceramah, *mau'izah*. Majlis ilmu berbentuk ceramah dan pengajian agama sentiasa mendapat sokongan daripada umat Islam. Situasi sedemikian berterusan sehingga ke hari ini. Masjid dianggap sebagai tempat terbuka mengalui-alukan kedatangan serta memberi peluang kepada seluruh anggota masyarakat terdiri daripada bangsa, umur, jantina, miskin atau kaya boleh menimba ilmu di bawah satu bumbung tanpa mengenakan bayaran. (Awang Matusin. 1993;6).

Pengimaran masjid atau pelaksanaan dakwah melalui medium masjid secara umum ialah menyeru umat manusia supaya beribadah kepada Allah, memberi peringatan dengan membuat kebaikan dan meninggalkan segala bentuk penyembahan selain Allah. (Sayyid Qutb. 1971;12). Pengukuhan keimanan dan ketakwaan kepada Allah merupakan matlamat utama yang perlu diambil berat oleh setiap Muslim. Ini kerana, dengan keimanan yang utuh dan ketakwaan yang mendalam kepada Allah SWT menjauhkan seseorang Muslim dari melakukan perkara-perkara yang melalaikan serta menjauhkan diri kepada Allah.

Masyarakat yang berilmu memanfaatkan ilmunya dengan sebaik mungkin. Ini dapat di praktikkan melalui pengurusan pengimaran masjid yang ditadbir oleh golongan yang berilmu pengatahan serta mempunyai daya fikir yang kritis dengan melaksanakan aktiviti kemasyarakatan melalui konsep pengimaran masjid. Dengan kesedaran yang tinggi serta tanggungjawab *insaniah* terhadap ahli kariah, sudah tentu pengurusan masjid sedaya upaya menyantuni ahli kariah dengan kepelbagaiannya aktiviti keagamaan, aktiviti kemasyarakatan tanpa mengira had umur di kalangan ahli kariah. Tujuannya adalah untuk memperbaiki akhlak masyarakat serta menanam sifat kebertanggungjawaban terhadap Allah melalui ibadat *khususiyah* dan ibadat *jamaiyyah* seperti mana yang dituntut oleh Allah SWT.

## **4. Peranan AJK Masjid Ke arah Pengimaran Masjid**

Institusi masjid pada asasnya adalah tempat berdenyutnya nadi kehidupan dalam beragama serta pembangunan

personaliti dan kemasyarakatan umat Islam. Kekuatan Islam terletak pada sistem sosial yang dibina dalam masyarakat. Membangunkan masyarakat adalah dengan membangunkan kekuatan material dan kerohanian. Shukri Ahmad (2004). Antara isu yang selalu ditimbulkan dalam kalangan masyarakat yang cakna agama adalah berkenaan kedudukan institusi masjid yang kurang atau tidak lagi diimarahkan dalam kehidupan masyarakat sehari-hari: Mahazan Abdul Mutalib (2013).

Hal ini terjadi disebabkan oleh ketidakfahaman dalam memahami konsep pengimaranan institusi masjid yang sebenar sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah SAW. Masalah ketidakfahaman ini bukan sahaja berlaku di kalangan masyarakat awam sahaja malah ianya juga berlaku kepada pihak pengurusan masjid. Jika perkara ini berterusan maka ianya memberi kesan buruk yang berterusan kepada institusi masjid. Ini kerana memahami konsep sebenar institusi masjid merupakan tunjung utama kearah membina dan merancang aktiviti pengimaranan yang tersusun. Abdul Munir Yakob. (1986).

Kewujudan masjid tidak harus dibatasi dan dipertanggungjawabkan kepada pihak pengurusan atau AJK masjid sahaja, malah seluruh masyarakat berperanan dalam usaha mengimarah dan merancang aktiviti pengimaranan institusi masjid. Realiti yang berlaku pada hari ini adalah institusi masjid adalah hak eksklusif AJK masjid sahaja. Ini mengakibatkan masyarakat menjauahkan diri dengan institusi ini. Seharusnya pihak pengurusan masjid bekerjasama dengan masyarakat dalam menjayakan pengimaranan masjid (Ismail Abd. Manap 2008).

Dalam merealisasikan pengimaranan institusi masjid, kepimpinan institusi masjid memerlukan kepada perubahan yang perlu distrukturkan kembali. Kepimpinan masjid perlu memiliki daya pemikiran yang membangun dalam usaha menghidupkan suasana masjid yang kondusif dan praktikal melalui pembangunan minda. Ia boleh dilakukan menerusi penambahan ilmu pengatahan, pengalaman, kesedaran, motivasi dan wawasan yang jelas.

## **5. Prinsip *al-Imarah* dalam Institusi Masjid**

Dalam konteks pengimaranan institusi masjid, prinsip yang mendasari kepada pembinaan institusi masjid adalah prinsip '*ubudiyyah*' iaitu pengabdian kepada Allah SWT sebagaimana pembinaan masjid '*Quba'* yang dibina atas dasar takwa. Apabila prinsip ketakwaan mendasari sesuatu tindakan, maka jaminan kepada prinsip *al-imarah* dalam institusi masjid ini tidak terbatas dan terhad. Prinsip *al-Imarah* dalam institusi masjid beralaskan kepada prinsip-prinsip yang berhubungkait dengan etika Islam ialah:

### *5.1 Prinsip Tauhid*

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa prinsip Islam yang paling utama ialah 'Falsafah Tauhid'. Segala pengolahan berhubung dengan Islam adalah berpaksi dari falsafah Tauhid. Prinsip Tauhid atau pengakuan terhadap ketuhanan Allah SWT ini melambangkan kesatuan dan kesepadan di dalam Islam. Ianya mempunyai kaitan dengan *al-Imarah*. Segala perancangan *al-Imarah* semestinya tunduk kepada ketetapan Allah SWT. Tauhid di sini juga bererti *al-Imarah* yang tidak membawa unsur-unsur syirik, seperti pembinaan semula tempat-tempat ibadah agama Hindu, Buddha dan lainnya. Nilai *al-Imarah* melalui asas tauhid ini ialah pembentukan dan pembinaan berdasarkan '*ubudiyyah*' iaitu pengabdian kepada Allah secara ikhlas.

Setiap individu Muslim samada pihak pengurusan atau jemaah menyedari implikasi konsep tauhid ini dalam sistem pengurusan umat Islam. Setiap manusia adalah sama sahaja dan tidak perlu takut kepada mana-mana kuasa selain dari Allah SWT. Insan yang soleh mempunyai sifat rendah diri dan tawaduk, tidak bersikap sompong, angkuh dan bongkak dan tidak lupa daratan, sentiasa bersyukur dengan nikmat Allah dapat dilahirkan.

Dari segi kualiti pekerjaan yang diterapkan dengan konsep tauhid ini akan menjadi pekerja yang beramanah, rajin, cekap, jujur, berdisiplin dan bertanggungjawab dalam menjalankan tugas kerana percaya bahawa dia tidak akan menempah kejayaan melainkan dia mengikut perintah Allah SWT. Selain itu juga, ianya tidak akan mudah putus asa apabila berlakunya musibah atau kegagalan. Dia percaya penuh yakin kepada Tuhan yang menentukan segala kesudahan dalam perbuatannya dan bersedia belajar dari kesilapan yang dilakukannya.

Dari sudut jemaah masjid pula, apabila memahami konsep tauhid dalam pengimaranan institusi masjid ini, maka lahirlah para Jemaah yang lebih khusyuk, istiqamah dan cekal untuk terus berada di masjid setiap masa terutama pada waktu solat. Kesedaran terhadap prinsip tauhid ini menjadikan masjid sebagai rumah kedua

bagi umat Islam. Kepentingan institusi masjid ini dapat dirasai dan dinikmati oleh orang yang benar-benar menilai ketinggian dan kebesaran nilai tauhid dalam kehidupannya. Nilai tauhid inilah yang diterapkan oleh Rasulullah SAW kepada masyarakat awal Islam di Kota Madinah dahulu.

Bagi masyarakat Islam di bawah kepimpinan Rasulullah SAW, masjid adalah tempat untuk memupuk peribadi Muslim yang kuat sehingga mampu menjadi tunjang dalam membina sebuah masyarakat Islam yang padu dan kuat. Jika ditafsirkan daripada sudut mana pun, langkah dan tindakan Rasulullah SAW itu ternyata memaparkan kepada kita bahawa institusi masjid merupakan tempat untuk memproses, mendidik serta membentuk teras dan atas keperibadian Muslim sejati. Ini ternyata kerana pendidikan di institusi masjid ini, maka lahirnya para sahabat yang memiliki keperibadian yang utuh dengan ketakwaan, keberanian, keilmuan yang tinggi serta semangat jihad untuk menegakkan syiar Islam setelah wafatnya Junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW.

### 5.2 Prinsip Keimanan dan Ketakwaan

Al-Quran menyatakan rahsia bahawa masjid hendaklah dipimpin dan dimakmurkan oleh golongan yang paling bertakwa. Orang yang paling bertakwa ialah seseorang yang tidak takut kecuali hanya kepada Allah Taala dalam keadaan mereka sangat beriman kepada Allah dan hari Kiamat, mendirikan solat dan menunaikan zakat. Masjid dipimpin oleh hamba Allah yang terbaik, paling soleh dan takwa, bijaksana dengan petunjuk ilahi. Golongan ini telah digambarkan oleh Allah SWT melalui firmanya “*hanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada siapapun) selain kepada Allah, maka mereka lah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk*” (at Tawbah 9: 18).

Mengapa masjid memerlukan kepimpinan yang hebat ini? Jawabnya kerana golongan itulah yang paling hampir dengan Allah Taala dan sentiasa mendapat rahmat Allah sehingga institusi masjid memiliki daya tarikan yang kuat lantaran keperibadian mereka yang tinggi dan mantap. Apabila kita lihat kepada realiti kepimpinan masjid zaman kini, sejauh mana masjid sekarang memiliki rahsia pertama ini? Memang tidak dinafikan mereka adalah orang Islam, tetapi kualiti iman dan Islamnya tidak mantap. Maka kesannya secara langsung dapat dilihat kepada kelesuan masjid, seolah-olah hilang rahmat, cahaya dan berkat pada masjid itu.

### 5.3 Pengamalan Doa

Doa merupakan senjata atau perisai orang beriman. Doa merupakan kekuatan dan tenaga yang tiada taranya kerana ia berhubung dengan Zat Yang Maha Kuasa. Doa bagi seorang mukmin adalah senjata atau wasilah kerana tidak ada perlindungan dan daya kecuali dari Allah SWT. Berdoa bukanlah sekadar hanya menyampaikan permohonan dan keinginan yang terkandung di dalam hati ke hadrat Ilahi, tetapi berdoa itu merupakan perintah Allah, juga suatu ibadah rohaniah. Doa ialah suatu medium yang menghubungkan antara manusia dengan Tuhannya dan merupakan cara kita berkomunikasi dengan Allah SWT. Oleh kerana itu tidaklah layak kita menghadapkan apa-apa permohonan selain daripada Allah SWT.

Seseorang yang beriman terhadap kebenaran dan kewajaran berdoa sentiasa berdoa kepada Allah mengenai apa saja dan berharap bahawa Allah akan mengkabulkan doa-doanya. Dalam prinsip pengimaranan institusi masjid. Nabi Ibrahim as telah menunjukkan jalan kepada umat Islam bahawa kepentingan doa dalam mengajak manusia kearah membuat kebaikan. Doa Nabi Ibrahim as telah menjadikan manusia dari seluruh dunia merasa terpanggil untuk datang ke Mekah al-Mukarramah di mana terletaknya Masjidil Haram dan Kaabah, hati mereka sangat terpaut kepadanya dengan doanya “*Dan (ingatlah), ketika Ibrahim berkata: "Ya Tuhan, jadikanlah negeri ini (Mekah), negeri yang aman, dan jauhkanlah Aku beserta anak cucuku daripada menyembah berhala-berhala. Ya Tuhan, sesungguhnya berhala-berhala itu telah menyesatkan kebanyakan daripada manusia, Maka barangsiapa yang mengikutiku, maka sesungguhnya orang itu termasuk golonganku, dan barangsiapa yang menderhakai aku, maka sesungguhnya Engkau, Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Ya Tuhan kami, sesungguhnya Aku telah menempatkan sebahagian keturunanku di lembah yang tidak mempunyai tanam-tanaman di dekat rumah Engkau (Baitullah) yang dihormati, Ya Tuhan kami (yang demikian itu) agar mereka mendirikan solat, maka jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka dan berikan kepada mereka rezeki dari buah-buahan, mudah-mudahan mereka bersyukur. Ya Tuhan kami, sesungguhnya Engkau mengetahui apa yang kami sembunyikan dan apa yang kami lahirkan; dan tidak ada sesuatupun yang tersembunyi bagi Allah, baik yang ada di bumi maupun yang ada di langit. Segala puji bagi Allah yang Telah menganugerahkan kepadaku di hari tua(ku) Ismail dan Ishaq. Sesungguhnya Tuhan*

*benar-benar Maha mendengar (memperkenankan) doa. Ya Tuhanku, jadikanlah Aku dan anak cucuku orang-orang yang tetap mendirikan solat, Ya Tuhan kami, perkenankanlah doaku. Ya Tuhan kami, berilah keampunan mu kepadaku dan kedua ibu bapaku dan sekalian orang-orang mukmin pada hari terjadinya hisab (hari kiamat)"(Ibrahim 14 : 35-41)*

Kalau bumi Mekah dan keluarga Nabi Ibrahim di Mekah itu dikira sebagai satu institusi agama Islam, maka sudah tentu masjid juga merupakan satu institusi agama yang utuh. Jadi doa Nabi Ibrahim as telah menjadikan hati-hati umat manusia merasa kasih dan sayang kepada bumi Mekah dan Kaabah, maka sepatutnya rahsia ini jugalah yang harus digunakan untuk menarik umat manusia mendatangi masjid-masjid yang merupakan rumah Allah seperti Kaabah yang disebut sebagai Baitullah. Betapa hebatnya Nabi Ibrahim menggunakan satu pakej doa yang sangat mulia untuk mendapat segala hajatnya dan bagi mencapai kepentingan ajaran Allah yang dibawanya seperti yang dinyatakan dalam ayat-ayat al-Quran di atas.

Doa ini perlu diamalkan oleh semua manusia yang beriman kepada Allah SWT lebih-lebih lagi kepada pentadbiran masjid seperti imam digalakkan membaca doa ini selepas solat berjemaah supaya para Jemaah lebih cenderung didalam hati mereka untuk terus datang ke masjid-masjid di muka bumi ini.

#### 5.4 Prinsip Keikhlasan

Tujuan utama manusia hidup di dunia ini adalah beribadah kepada Allah SWT. Ibadah kepada-Nya merupakan bukti pengabdian seorang hamba kepada Allah SWT. Keikhlasan dalam ibadah adalah penentu kepada penerimaanya disisi Allah SWT. Ibadah yang dilakukan tanpa keikhlasan adalah ibadah yang sia-sia. Keikhlasan dalam beribadah inilah yang tegaskan oleh Allah dalam ayat-ayat-Nya. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam al-Quran: "*Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam. tiada sekutu bagiNya; dan demikian Itulah yang diperintahkan kepadaku dan aku adalah orang yang pertama-tama menyerahkan diri kepada Allah*". (al-An'am 6 : 162 – 163)

Zaman manusia dikuasai kebendaan dan hanya menghitung keuntungan berdasarkan angka. kerana itu, ada yang lupa menghitung bahawa keuntungan itu pada nilai lebih mahal dan tinggi dalam bentuk kebaikan, pahala dan keberkatan di sisi Allah SWT. Sesungguhnya kebendaan dan nilai angka itu sering kali mendorong manusia sekadar melihat besarnya benda, angka, kedudukan, pangkat dan pengaruh. Sehingga manusia seperti tidak dapat lagi melihat besarnya manfaat dan pahala kurniaan Allah SWT dan besarnya sifat ikhlas dalam diri seorang manusia yang bernama hamba kepada Allah SWT.

Keikhlasan hendaklah diterapkan dalam diri manusia dari sekecil-kecil amalan hingga kepada pekerjaan yang besar. Begitu juga dalam prinsip pengimaranan institusi masjid. Sebelum kita mengajak manusia untuk datang kemasjid, perkemaskanlah diri kita dengan nilai keikhlasan yang mantap dalam diri supaya amalan dan perkerjaan yang kita lakukan diterima oleh Allah SWT. Tugas sebagai pengelola, pentadbir, Imam mahupun jemaah masjid mestilah dimulai dengan niat yang betul apabila berurus di rumah-rumah Allah di muka bumi ini. Jangan kita jadikan masjid-masjid ini seperti masjid *Dhirar* sebagaimana yang diceritakan didalam al-Quran "*Sesungguhnya masjid yang didirikan atas dasar taqwa (masjid Quba), sejak hari pertama adalah lebih patut kamu solat di dalamnya. Di dalam masjid itu ada orang-orang yang ingin membersihkan diri, dan sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bersih*" (at- Tawbah 9: 108).

Ayat al-Quran di atas menetapkan satu rahsia yang sangat penting dalam proses pengimaranan masjid iaitu keikhlasan niat dan tujuan mendirikan masjid. Sejauh mana hakikat ini berlaku dalam pembinaan masjid zaman sekarang yang tidak lagi dijamin kemurnian dan ketulusan niat dan matlamatnya. Ada yang membina masjid kerana menunjukkan kemegahan, mencari nama dan kemasyhuran. Hasilnya masjid tidak dikunjungi kerana telah bertukar menjadi masjid *dhirar* seperti yang dinyatakan Allah. Maksudnya "*Dan (di antara orang-orang munafik itu) ada orang-orang yang mendirikan masjid untuk menimbulkan kemudharatan (pada orang-orang mukmin), untuk kekafiran dan untuk memecah belah antara orang-orang mukmin serta menunggu kedatangan orang-orang yang telah memerangi Allah dan Rasul-Nya sejak dahulu. Mereka sesungguhnya bersumpah: "Kami tidak menghendaki selain kebaikan." dan Allah menjadi saksi bahawa sesungguhnya mereka itu adalah pendusta (dalam sumpahnya)*" (at- Tawbah 9 : 107)

Dengan itu Allah SWT melarang Rasulullah s.a.w datang dan menunaikan solat di masjid tersebut. Rasulullah SAW selalu menekankan konsep keikhlasan ini supaya pembinaan masjid tidak bertujuan lain selain daripada mendapat keredaan Allah. Rasulullah SAW menegaskan bahawa membina masjid untuk Allah dengan niat hanya untuk cari keredaan-Nya. Ini satu rahsia yang sangat agung dalam urusan pengimaranan

masjid. Bila sifat ikhlas benar-benar dijiwai dan sebat dalam diri umat Islam, maka akan bertambahlah berbagai-bagai kebaikan, kebijakan dan keberkatan dari Allah SWT untuk hamba-hamba-Nya yang ikhlas itu.

### *5.5 Prinsip Menghidupkan Roh Masjid Dalam Masyarakat*

Solat boleh dilakukan tidak kira di mana sekalipun asalkan tempatnya bersih dan suci. Oleh itu umat Islam haruslah sedar kepentingan menjaga kebersihan persekitaran. Hikmah solat boleh ditunaikan di mana sahaja ialah supaya umat Islam sentiasa mengingati Allah SWT. Sebagaimana dalam hadis Rasulullah SAW maksudnya “*Dijadikan kepadaku bumi ini masjid dan bersih*” (Sahih al-Bukhari. Kitab al-Taharah, Bab al-Tayammum)

Apakah rahsia yang Allah Taala berikan kepada Nabi Muhammad SAW melalui hadith ini? Ia mengandungi makna yang mendalam bahawa seluruh muka bumi mesti membawa roh dan semangat sujud serta pengabdian diri kepada Allah SWT sebagaimana yang ditetapkan di masjid. Malah seluruh ruang muka bumi ini tidak harus dikotorkan dengan kejahanatan dan dosa kerana Allah SWT telah menetapkan ianya bersih untuk beribadat. Ini bermakna semangat dan roh masjid mestilah disebar luaskan kepada apa jua institusi kerajaan atau institusi masyarakat supaya tidak wujud percanggahan antara masjid dengan pusat-pusat aktiviti yang lain.

Dalam sejarah Islam didapati ramai dalam kalangan pemimpin dan ulama Islam yang menghayati rahsia ini dengan mendirikan masjid sebagai pusat utama kepada pembangunan bandar dan negeri. Utbah bin Ghazwan ketika membuka Bandar Basrah pada tahun 16H, semasa pemerintahan Umar Ibn al-Khattab, telah menempatkan masjid sebagai pusat kepada kegiatan kerajaan, di mana ianya dikelilingi bangunan pentadbiran dan kawasan perumahan. Perkara yang sama telah dilakukan oleh Saad bin Abi Waqqas ketika membuka Bandar Kufah pada tahun 17H di mana kemudahan jalan menghubungkan terus antara masjid dengan bangunan pentadbiran dan perumahan dengan lokasi masjid berada pada pusat Bandar. Begitu juga tindakan yang dibuat oleh Amru Ibn al-As di Fustat, Uqbah bin Nafi’ di Qairawan dan Abu Ubaidah al-Jarrah di Dimasyq (Mohd Alwee Yusoff et. al. 2008;17).

Langkah tersebut membolehkan semangat dan roh masjid terus mempengaruhi kehidupan harian di dalam institusi masyarakat dan kerajaan secara langsung dan berterusan. Malah dapat difahami daripada ayat berikut bahawa manusia akan mendapat pertunjuk dalam hidup mereka melalui penghayatan secara langsung terhadap semangat dan roh masjid tersebut.

## **6. Kesimpulan**

Prinsip *al-Imarah* dalam institusi masjid perlu dikembangkan dalam pembangunan masyarakat umat Islam. Ini kerana fungsi institusi masjid bukan sahaja ditumpukan terhadap ibadah solat semata-mata, malah fungsi dan peranan masjid perlu diimarahkan melalui pembangunan ummah keseluruhan. Ini kerana institusi masjid merupakan pusat yang menghubungkan manusia sesama manusia dan hubungan manusia bersama penciptanya. Rasulullah SAW mengambil langkah yang berkesan bagi meluaskan fungsi dan peranan masjid bagi mewujudkan perpaduan yang kukuh dikalangan umat Islam di Madinah dengan meletakkan dasar ketakwaan di dalam kehidupan mereka.

Memakmurkan masjid merupakan perkara penting di dalam masyarakat bagi melahirkan kelompok manusia yang bersifat takwa. Bagi mengembalikan fungsi dan peranan masjid kita memerlukan kepada kesepakatan dan semangat untuk benar-benar mendukung kemakmuran masjid. Di antara perkara-perkara yang perlu dilakukan ialah satu usaha untuk memberikan ilmu pengetahuan yang berguna kepada masyarakat. Ini boleh dilakukan dengan mengadakan majlis-majlis ilmu untuk memberikan kesedaran dan kefahaman bagi mengembalikan kekuatan umat bahawa betapa pentingnya ilmu buat mereka.

## **Rujukan**

Al-Quran al-Karim

Abd Aziz Yusof. 2002. Keinsanan dalam Pengurusan. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Abdul Munir Yakob, 1986. Hak Asasi Manusia Menurut Islam. UKM Bangi, Selangor.

Abd Aziz Mohd Zain. 2002. *Pembangunan Minda Pegawai Masjid. Kertas kerja Seminar Pembangunan*

- Masjid.* Anjuran Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan. Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya Lembah Pantai, tarikh.
- Hans Wehr. (1971) A Diztionary of Modern Written Arabic, suntingan, J Milton Cowon.
- Ismail bin Abd. Manap. 1998. Peranan Masjid Menurut al-Sunnah: Tumpuan Utama Kepada Masjid-Masjid di Brunei Darussalam (Disertasi Sarjana Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)
- Kamus Dewan, Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamka, Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. 1984. *Tafsir al-azhar*. Jakarta: Panji Masyarakat, Juz 10.Mahazan Abdul Mutalib. 2013. A Model of Imam's Leadership and Mosque Performance in Malaysia. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(2), 53–64.
- Shukri Ahmad dan Mohamad Khadafi Hj Rofie, Memasjidkan Masyarakat dan Memasyarakatkan Masjid Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2004, Pusat Islam Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Utara Malaysia, 25-27hb September 2004).